

'Pasang sistem amaran banjir'

Penduduk gesa Puncak Niaga lebih aktif buat persiapan awal

Oleh Halina Mohd Noor
halina@bharian.com.my

HULU LANGAT: Penduduk daerah ini terutama di Sungai Serai yang kerap dilanda banjir menggesa pihak pengurusan Empangan Sungai Langat, Puncak Niaga Sdn Bhd (Puncak Niaga) mewujudkan sistem amaran banjir bagi membolehkan mereka membuat persiapan awal menghadapi bencana itu.

Puncak Niaga boleh mencontohi sistem amaran banjir menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) dan siren yang dilaksanakan di TTDI Jaya, Shah Alam, dengan memaklumkan kepada penduduk mengenai kenaikan paras air di empangan itu sebelum ia melimpah ke Sungai Langat.

Penduduk Kampung Sungai Serai, Mohd Badrul Hisham Mohd Basir, 33, berkata banjir bukan masalah baru di daerah ini dan Puncak Niaga tidak pernah mewujudkan sistem amaran awal sebagai kaedah memaklumkan limpuhan air di empangan itu kepada penduduk.

"Setiap kali hujan lebat di daerah ini, air di empangan itu akan melimpah ke Sungai Langat.



ANGGOTA tentera membantu penduduk Kampung Bukit Sungai Puteh, Ampang, membersihkan rumah selepas dilanda banjir, semalam.

"Kami tidak sempat hendak melakukan apa-apa.

"Dalam kes terbaru 7 Mac lalu, saya mendapat panggilan telefon daripada rakan di Taman Seri Nan-

ding di kawasan berhampiran yang memaklumkan air naik di taman itu pada jam 7 petang dan tiba-tiba rumah saya dinaiki air.

"Kami sekeluarga tidak sempat

menyelamatkan harta benda kami," katanya kepada *Berita Harian* di sini, semalam.

Beliau berkata, sepatutnya Puncak Niaga sudah lama mewujudkan sistem amaran awal kenaikan paras air Empangan Sungai Langat bagi membolehkan penduduk bertindak awal menyelamatkan harta benda dan nyawa keluarga.

Razali Ahmad Ibrahim, 42, berkata beliau hanya sempat menyelamatkan dokumen penting setengah jam selepas air melimpah ke kawasan rumahnya.

"Kalau ada sistem amaran seperti bunyi siren sebelum air di empangan itu melimpah, sekurang-kurangnya penduduk sempat bersiap sedia menyelamatkan anak, keluarga dan harta benda," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dusun Tua, Ismail Sani, berkata Puncak Niaga dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) wajar menyediakan sistem amaran banjir berkenaan.

Pada 7 Mac lalu, hujan lebat lebih lima mengakibatkan beberapa kawasan di Hulu Langat dinaiki air setinggi dua meter menyebabkan lebih 1,000 penduduk terpaksa dipindahkan ke enam pusat pemindahan sementara.